

## Siaran Jabatan Alam Sekitar



Jabatan Alam Sekitar

52m · 🌐



JAS PULAU PINANG MENGIMARAHKAN BULAN RAMADHAN DENGAN MENYERTAI PROGRAM SINGGAH SAHUR LESTARI

8 MAC 2025, KUBANG SEMANG: JAS Pulau Pinang turut sama mengambil peluang menyantuni pelajar - pelajar tahfiz yang ada dikalangan mereka anak yatim dalam Program Singgah Sahur Lestari anjuran Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara di Maahad Tahfiz Nahdzatul Islah.

JAS Pulau Pinang turut sama menyampaikan ceramah tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar dan bermain kuiz bersama - sama pelajar di sini selepas bersahur dan solat subuh berjemaah. Aktiviti menanam pokok betik hibrid dikalangan pelajar turut diadakan bersempena Hari Bumi yang tidak lama lagi. Turut hadir sama wakil dari TNB Pulau Pinang, KAO Penang dan Renesas Electronic Penang.

Terima kasih kepada pengurusan Maahad Tahfiz dan semua yang terlibat. Adalah diharapkan sedikit sebanyak ilmu yang disampaikan dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#jasppmac2025

#alamsekitartanggungjawabbersama

